

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **SIARAN MEDIA**

### **CENDANA PERKASA ART IN THE CITY DENGAN USAHA SAMA AWAM – SWASTA**

**KUALA LUMPUR, 12 November 2021** – Susulan pelancaran Art In The City (AITC) 2021 oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa pada 30 September 2021, CENDANA hari ini mengumumkan 54 rakan usaha sama AITC 2021 yang turut menjayakan festival selama tiga bulan bermula Oktober sehingga Disember 2021.

AITC 2021 yang diadakan bersempena dengan Tahun Ekonomi Kreatif Antarabangsa Untuk Pembangunan Mampan menawarkan pelbagai aktiviti bertujuan mempromosikan kepelbagaian artistik, kreativiti, keprihatinan dan imaginasi rakyat Malaysia.

Sepanjang pandemik COVID-19 organisasi dan penggiat seni dan budaya bukan sahaja terpaksa mengurangkan aktiviti tetapi juga ada antara mereka terus mengundur diri daripada bidang seni yang merupakan antara sektor paling terjejas teruk susulan penutupan aktiviti seni bagi mengurangkan risiko penularan pandemik ini.

Justeru, sebagai sebahagian daripada usaha pemulihan negara, Tan Sri Annuar menerusi CENDANA mengadakan kerjasama dengan pihak swasta bagi membina serta menyemarakkan semula ekonomi sektor seni dan budaya agar lebih ramai individu berminat dengan seni serta seterusnya dapat bersama-sama mengharungi situasi yang amat mencabar ini.

Tan Sri Annuar menyatakan komitmen Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) terhadap sektor seni dan budaya yang memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara di peringkat nasional dan global.

Pengerusi MyCreative Ventures Group, Ts. Noor Azmi Mat Said turut menekankan kerjasama antara sektor swasta dan awam dalam memperkasakan sektor seni dan budaya yang menjadi tunjang tradisi, warisan, dan kebanggaan negara. Kerjasama strategik ini boleh dijadikan penanda aras kepada pihak lain sebagai penghubung antara Kerajaan, pihak swasta dan pemain industri.

Sinergi ini mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) untuk semua pihak berkepentingan dalam mana-mana industri khususnya sektor seni dan budaya sebagai salah satu tonggak MyCreative Ventures Group.

Selepas Forum Ekonomi Kreatif Kuala Lumpur baru-baru ini, pelancaran Studio C bersempena Pameran Seni Hotel CIMB, Kelas Seni Terbuka, Bengkel Potongan Cukai Korporat, pelancaran kerjasama TripART, AITC 2021 kini terus menyajikan KLWKND bertujuan merapatkan Keluarga Malaysia melalui seni serta melihat Kuala Lumpur dari dimensi sejarah, seni, reka bentuk, budaya dan warisan.

Program KLWKND merangkumi beberapa kluster utama 'festival village' bertempat di The Godown KL, Panggung Bandaraya DBKL, Pasar Seni, REXKL, GMBB, Muzium Telekom serta beberapa lokasi lain di pusat bandar Kuala Lumpur bermula daripada 25 sehingga 28 November 2021 yang diselaraskan oleh pengarah festival tersohor, Joe Sidek. KLWKND yang bersifat inklusif bertujuan untuk merakytakan seni dengan usaha sama pelbagai sektor.

Antara pengisian menarik AITC 2021 ialah "The Light Project" yang akan menerangi beberapa lokasi yang mengambil bahagian bermula November 2021 sehingga Mac 2022 dengan kerjasama Think City dan pihak berkuasa tempatan iaitu di Kuala Lumpur (dengan kerjasama Interstellar Studio-Jun Ong), Batu Pahat, Kuching, Ipoh, Melaka, dan Butterworth. Program ini juga akan diserikan dengan persembahan unik sebagai memberi inspirasi kepada negara khususnya sektor seni dan budaya melalui harapan dan cahaya supaya dapat bangkit daripada pandemik ini.

Selain itu, PUSAKA dan Svara turut bekerjasama mengadakan The Symposium of Reflection and Reimagining: National Cultural Congress 1971 - 50 tahun kemudian, yang akan mengumpulkan pengamal dan pakar dari pelbagai komuniti dalam bidang budaya bermula 11 sehingga 12 Disember 2021, bertujuan untuk menilai perkembangan budaya di Malaysia dan penggubalan serta pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Simposium ini terzhahir susulan perbincangan awal dalam

talian pada 13 Ogos 2021 di Facebook CENDANA Malaysia dan dijadualkan berlangsung di Universiti Malaya (UM).

Aktiviti selama tiga bulan ini akan berakhir dengan pameran seni media – SENSORii yang merupakan dunia cahaya tanpa sempadan, persembahan warna dan bunyi yang menampilkan karya Lim Kok Yoong dengan kerjasama KC Tan, Flux 28, Wee Jia Foong, Ashly Nandong, Azarikh Amran. Ia akan direalisasikan dengan kerjasama pengarah artistik Yap Sau Bin, penerbit Melissa Teoh dan muzik oleh Ahmad Muriz Che Rose, bermula 1 sehingga 28 Disember 2021 di REXKL.

Ketua Pegawai Eksekutif CENDANA, Izan Satrina memaklumkan bahawa kesemua program yang disusun di bawah AITC disediakan secara percuma oleh CENDANA bertujuan mendekatkan seni kepada Keluarga Malaysia. Selaras dengan itu, bagi memudahkan Keluarga Malaysia mengelilingi serta menikmati bandar Kuala Lumpur semasa berlangsungnya AITC 2021, CENDANA berkolaborasi dengan pihak Grab menawarkan kod promosi diskaun.

Sementara itu, Yoodo pula memainkan peranan mempromosi program-program melalui perkhidmatan pemasaran serta 'influencer' terpilih. Prasarana juga berperanan mempromosi program AITC 2021 di stesen dan sekitar bandar melalui bas. Usaha sama pelbagai pihak ini, termasuk Creador Foundation, Think City, Facebook, Yayasan TM dan pelbagai rangkaian adalah untuk memperkasa serta menyampaikan naratif dan menyemarakkan pelbagai lapisan kreatif KLWKND.

Kerjasama di antara CIMB, Yayasan Hasanah dan CENDANA baru-baru ini juga, memberi impak positif apabila lebih daripada 100 program dinamik, berwarna-warni dan yang optimis pada tahun ini. Usaha CENDANA ini telah dimulakan pada tahun 2018 merangkumi pelbagai jenis muzik, tarian, kraf, teater, tarian filem, makanan, warisan, sejarah dan banyak lagi yang dijalankan sepanjang tempoh tiga bulan dari Oktober hingga Disember 2021.

CENDANA komited menerokai impak seni, mengetengahkan kekuatannya mengatasi cabaran, di samping bertujuan memupuk peranannya sebagai 'jiwa negara' bagi masa depan dengan pembukaan semula industri kreatif serta kolaborasi bersama komuniti seni dan usaha sama rakan perniagaan serta kerajaan.

AITC 2021 merupakan salah satu program utama CENDANA yang berfungsi sebagai usaha strategik mempromosikan komuniti seni tempatan dan melibatkan orang ramai melalui seni Malaysia, dengan matlamat meraikan pelbagai kreativiti. CENDANA mengajak Keluarga Malaysia untuk melihat negara melalui lensa seni dan budaya. Untuk maklumat lanjut tentang AITC, sila layari [www.baskl.com.my/aitc](http://www.baskl.com.my/aitc).

**Dikeluarkan oleh:**

**Unit Komunikasi Korporat**

**Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA)**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi bzBee Consult Sdn Bhd:  
Emmy Razali – +6012 342 2006; [emmy@bzbee.com.my](mailto:emmy@bzbee.com.my) / Ariq Amran – +6013 2566695; [ariqamran@bzbee.com.my](mailto:ariqamran@bzbee.com.my)

**Mengenai CENDANA**

CENDANA (Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya) dilancarkan secara rasmi pada 6 September 2017 untuk membentuk seni budaya ekonomi yang rancak, mampan dan berwawasan untuk Malaysia, bagi terus memartabatkan profil seni budaya ke arah pembentukan identiti Malaysia sebagai destinasi seni dan lokasi yang strategik di pentas global. Organisasi ini disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan berada di bawah pengendalian Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Sila layari [www.cendana.com.my](http://www.cendana.com.my) untuk maklumat lanjut.

**Mengenai MyCreative Ventures**

MyCreative Ventures adalah syarikat pelaburan Kerajaan yang dilancarkan pada bulan September 2012 untuk memacu industri kreatif Malaysia melalui pembiayaan yang strategik dan inovatif. Untuk maklumat lanjut, sila layari

[www.mycreative.com.my](http://www.mycreative.com.my)